


Puisi memartabatkan dan mendaulatkan bahasa Melayu

info

→ **Penerbit:** Universiti Putra Malaysia, 2018
→ **Halaman:** 108 muka surat
→ **Harga:** RM20



Serdang: Antologi puisi Sekuntum Bunga Bahasa di Tangkai Bangsa Berakar Budaya Bertunjang Agama menghimpunkan 80 sajak hasil kreativiti kakitangan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Antologi itu juga memperlihatkan gabungan gabungan Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof Dr Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad dan Timbalan Dekan Penyelidikan

dan Inovasi, Prof Madya Dr Jusang Bolong menyumbang karya penulisan mereka melalui beberapa sajak dalam antologi itu.

Inisiatif menerbitkan antologi itu adalah julung kali diadakan sebagai satu daripada usaha memartabatkan dan mendaulatkan bahasa Melayu dalam kalangan pembaca.

Selari dengan itu, tema yang diajukan kepada penulis juga bebas asalkan berkaitan dengan Melayu. Maka, terhasillah antologi

yang dibahagikan kepada empat komposisi utama iaitu bahasa, budaya, bangsa dan agama.

Tidak mengecewakan

Menariknya lagi, walaupun ada dalam kalangan kakitangan universiti itu kali pertama menulis sajak, namun hasilnya tidaklah mengecewakan.

Ilham yang dibangunkan penulis ternyata dapat membuka mata pembaca, melihat isu semasa dengan lebih rencam dan teliti.

Antologi puisi itu juga banyak mengutarakan persoalan masyarakat, manusia, alam dan Tuhan dalam lingkungan Melayu untuk disajikan kepada pembaca.

Diterbitkan oleh UPM pada 2018, buku itu meyarankan warga kampus terutama mahasiswa agar dapat menikmati hasil buah tangan pensyarah yang turut diselenggarakan Kamariah Kamarudin, Jusang dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi.